



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2012**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Ketua Jabatan Negeri,
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri,
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

**TATACARA PERAKAUNAN IMBUHAN TETAP PERUMAHAN / ELAUN
PERUMAHAN WILAYAH DAN BANTUAN SARA HIDUP BAGI PEGAWAI
YANG MENDUDUKI KUARTERS**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menyeragamkan prosedur perakaunan Imbuan Tetap Perumahan (ITP) / Elaun Perumahan Wilayah (EPW) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi pegawai yang menduduki kuarters.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Para (e) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 Tahun 1980 menerangkan pegawai yang berhak menerima Bantuan Sewa Rumah tetapi masih mendiami rumah kerajaan atau rumah kerajaan yang disewakan untuk mereka, sewa yang dikenakan ke atas mereka hendaklah ditunjukkan dalam lembaran gaji sebagai potongan gaji dan amaun yang sama ditunjukkan sebagai Bantuan Sewa Rumah dalam ruangan pendapatan.
- 2.2 Para 19, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996 menerangkan mulai 1hb Januari 1995, anggota yang baru layak menerima ITP dan menikmati kemudahan perumahan yang disediakan oleh kerajaan, tidak layak menerima ITP dan tidak akan dikenakan bayaran sewa rumah.
- 2.3 Surat Setiausaha Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri rujukan BPH.KEW.04/24 Jld.5(77) bertarikh 2 April 2010, menjelaskan **pegawai yang menduduki rumah kerajaan tidak perlu membayar sewa rumah sebaliknya potongan ITP dan BSH dianggap sebagai nilai 'sewa' yang perlu dibayar kepada kerajaan.**
- 2.4 Para 2, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2006 menetapkan kadar BSH bagi pegawai yang diperuntukkan rumah kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer dari tempat kerja adalah sebanyak 50% daripada kelayakan pegawai yang tidak diperuntukkan Rumah Kerajaan.
- 2.5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002 menjelaskan bahawa Bayaran Perumahan Khas (BPK) diberikan kepada pegawai yang diperuntukkan Rumah Khas Jabatan, Rumah Khas Jawatan dan Kediaman Rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan. BPK diberi sebagai galakan untuk pegawai berkenaan menduduki rumah

kerajaan yang diperuntukkan. Pengiraan BPK adalah 50% daripada kelayakan ITP pegawai dan pegawai yang menerima BPK tidak layak dibayar ITP dan juga tidak dikenakan bayaran sewa. BPK adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kerajaan kerana menyediakan rumah kepada pegawai. Oleh itu, tiada pelarasan perlu dibuat bagi BPK.

- 2.6 Pada masa ini didapati ada Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengakaunkan ITP/EPW pada kadar sewa rumah kerajaan dan BSH pada nilai bersih. Selain itu, terdapat juga PTJ yang langsung tidak mengakaunkan ITP/EPW dan sewa rumah bagi pegawai yang menduduki kuarters. Sehubungan dengan itu, SPANM ini dikeluarkan bagi mengatasi ketidakseragaman dalam mengakaunkan ITP/EPW dan BSH bagi pegawai yang menduduki kuarters.

3. TAKRIFAN

- 3.1 Kuarters adalah merujuk Rumah Kerajaan (**seperti yang dinyatakan di Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2002**) dan istilah kuarters ini hanya digunakan bagi urusan kewangan dan perakaunan sahaja.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Surat Pekeliling ini terpakai kepada pegawai persekutuan yang menduduki kuarters sama ada disediakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

4.2 Peranan Pusat Tanggungjawab

- 4.2.1 PTJ hendaklah memastikan, pembayaran ITP/EPW dan BSH pegawai yang menduduki kuarters adalah mengikut

kelayakan pegawai. Elaun-elaun ini akan dipotong daripada gaji mengikut kod potongan gaji yang telah ditetapkan untuk diakaunkan ke akaun terimaan pulangan balik perbelanjaan di bawah jabatan dan pusat tanggungjawab pegawai yang menduduki kuarters. Kod potongan gaji yang terlibat adalah seperti jadual di bawah:

Kod Potongan Gaji	Objek Lanjut	Nama Potongan
4547	81107	Pulangan Balik Imbuan Tetap Perumahan Kuarters
4548	81108	Pulangan Balik Bantuan Sara Hidup Kuarters
4550	81109	Pulangan Balik Elaun Perumahan Wilayah Kuarters
4018	81199	Lain Pulangan Balik Perbelanjaan

4.2.2 Potongan gaji untuk bayaran lain yang dikenakan terhadap pegawai kerana menduduki rumah kerajaan seperti caj pembentungan hendaklah menggunakan kod potongan gaji **4018** untuk diakaunkan ke kod objek **81199**. Contoh Penyata Gaji pegawai bagi keadaan 4.2.1 dan 4.2.2 adalah seperti di **Lampiran 1**.

4.2.3 PTJ hendaklah memastikan pegawai Persekutuan yang menduduki Rumah Kerajaan Negeri, pembayaran ITP/EPW dan BSH adalah mengikut kelayakan pegawai. **Pembayaran kepada Kerajaan Negeri adalah mengikut kadar sewa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dan menggunakan kod potongan gaji sedia ada.** Perbezaan elaun hendaklah diakaunkan ke akaun terimaan pulangan balik perbelanjaan menggunakan kod

potongan gaji seperti di Para 4.2.1. Contoh Penyata Gaji pegawai adalah seperti di **Lampiran 2**.

4.2.4 PTJ hendaklah memastikan pegawai yang menerima BPK juga dibayar mengikut kelayakan pegawai. Contoh Penyata Gaji adalah seperti di **Lampiran 3**.

4.2.5 PTJ adalah bertanggungjawab menyediakan bayaran balik terlebih potongan kepada pegawai yang telah keluar dari kuarters dengan mengemukakan permohonan kelulusan vot bayaran balik hasil kepada Pejabat Perakaunan sebelum menyediakan baucar bayaran.

4.2.6 PTJ hendaklah menyediakan daftar pegawai yang menduduki kuarters dan membuat penyesuaian dengan laporan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perakaunan iaitu Laporan Terperinci Hasil (C330) dan laporan gaji (ZRPY021). Ini bagi memastikan urusan perakaunan telah sempurna dilakukan.

4.3 Peranan Pejabat Perakaunan

4.3.1 Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan kod-kod potongan gaji yang digunakan oleh PTJ adalah tepat.

4.3.2 Pejabat Perakaunan perlu memantau dan menyemak laporan penyesuaian yang dikemukakan PTJ.

5. KUAT KUASA


5.1 Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa dari tarikh ianya ditandatangani, **PTJ diberi tempoh sehingga 31 Mac 2012** bagi membuat perubahan ke atas maklumat gaji pegawai.

5.2 Selaras dengan itu, mulai **1 April 2012** kod potongan dan kod pendapatan yang tersenarai di **Lampiran 4** akan **dimansuhkan**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN

Akauntan Negara Malaysia

3 Januari 2012

s.k

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

CONTOH PENYATA GAJI PEGAWAI PERSEKUTUAN YANG MENDUDUKI KUARTERS PERSEKUTUAN**(Rujuk Para 4.2.1 dan 4.2.2)**

Contoh 1: Kelayakan Imbuhan Tetap Perumahan ialah RM250, Bantuan Sara Hidup berjumlah RM300 dan dikenakan caj pembentungan RM2.

PENDAPATAN		AMAUN (RM)	POTONGAN		AMAUN (RM)
Imbuhan Tetap Perumahan		250.00	Pulangan Balik Imbuhan Tetap Perumahan Kuarters		250.00
Bantuan Sara Hidup		300.00	Pulangan Balik Bantuan Sara Hidup Kuarters		150.00
			Lain Pulangan Balik Perbelanjaan (Caj pembentungan)		2.00

Contoh 2: Kelayakan Elaun Perumahan Wilayah ialah RM500 dan dikenakan caj pembentungan RM2.

PENDAPATAN		AMAUN (RM)	POTONGAN		AMAUN (RM)
Elaun Perumahan Wilayah		500.00	Pulangan Balik Elaun Perumahan Wilayah Kuarters		500.00
			Lain Pulangan Balik Perbelanjaan (Caj pembentungan)		2.00

CONTOH PENYATA GAJI PEGAWAI PERSEKUTUAN YANG MENDUDUKI KUARTERS KERAJAAN NEGERI
(Rujuk Para 4.2.3)

Contoh 3: Pegawai berkhidmat di salah sebuah pejabat kerajaan persekutuan di Negeri Sembilan tetapi menduduki kuarters kerajaan Negeri Sembilan dan dikenakan kadar sewa RM100. Kelayakan Imbuhan Tetap Perumahan berjumlah RM250 dan Bantuan Sara Hidup berjumlah RM200.

PENDAPATAN	AMAUN (RM)	POTONGAN	AMAUN (RM)
Imbuhan Tetap Perumahan	250.00	Sewa Rumah/Perabot Bendahari Negeri Sembilan	100.00
Bantuan Sara Hidup	200.00	Pulangan Balik Imbuhan Tetap Perumahan Kuarters	150.00
		Pulangan Balik Bantuan Sara Hidup Kuarters	100.00

CONTOH PENYATA GAJI PEGAWAI PERSEKUTUAN YANG MENDUDUKI KUARTERS DAN MENERIMA BAYARAN PERUMAHAN KHAS BERSERTA BANTUAN SARA HIDUP**(Rujuk Para 4.2.4)**

Contoh 4: Pegawai menduduki Rumah Khas Jabatan dan menerima Bayaran Perumahan Khas berjumlah RM450.00 serta layak mendapat Bantuan Sara Hidup berjumlah RM300.

PENDAPATAN	AMAUN (RM)
Bayaran Perumahan Khas	450.00
Bantuan Sara Hidup	300.00

POTONGAN	AMAUN (RM)
Pulangan Balik Bantuan Sara Hidup Kwarters	150.00

Lampiran 4

Senarai Kod Potongan Gaji Yang Akan Dimansuhkan Mulai 1 April 2012:

Kod	Nama Potongan	Kod Objek
4112	SW Rmh/Prbt Jab. Penerbangan Awam	74201
4113	SW Rmh/Prbt Jab. Kebajikan Masyarakat	74201
4114	SW Rmh/Prbt Jab. Kerja Raya	74201
4115	SW Rmh/Prbt Jab. Pengajian Tinggi	74201
4116	SW Rmh/Prbt K. Kerja Raya	74201
4117	SW Rmh/Prbt K. Kesihatan	74201
4118	SW Rmh/Prbt K. Pendidikan	74201
4119	SW Rmh/Prbt K. Pertanian	74201
4120	SW Rmh/Prbt K. P'tahanan	74201
4121	SW Rmh/Prbt Kastam & Eksais	74201
4122	SW Rmh/Prbt Kerajaan	74201
4128	SW Rmh/Prbt Wilayah	92401
4549	Pulangan Balik Bantuan Sewa Rumah Kuarters	81107

Senarai Kod Pendapatan Yang Akan Dimansuhkan Mulai 1 April 2012:

Kod	Nama Pendapatan	Kod Objek
1534	Bantuan Sewa Rumah	12102/12202/12302/29302